

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEMBINAAN
KOD KURSUS	:	BPD 33702
PROGRAM	:	3 BPC
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG TIGA (3) MUKA SURAT

**SULIT**

- S1** Kemalangan di tempat kerja mengakibatkan majikan menanggung kos yang tinggi.
- (a) Huraikan kos langsung bagi kemalangan di tapak bina. (10 markah)
- (b) Bandingkan antara Kos Langsung dan Kos Tidak Langsung bagi kemalangan. (9 markah)
- (c) Jelaskan objektif program pampasan pekerja. (6 markah)
- S2** Risiko di tapak bina boleh diuruskan dengan menggunakan pendekatan pengurusan risiko.
- (a) Terangkan tujuan utama pengurusan risiko. (8 markah)
- (b) Huraikan **EMPAT (4)** cara menangani risiko di tapak bina. (8 markah)
- (c) Analisiskan **TIGA (3)** kelebihan-kelebihan pengurusan risiko dalam industri pembinaan di Malaysia. (9 markah)
- S3** Semua pihak yang terlibat dalam semua peringkat projek pembinaan mempunyai tanggungjawab tersendiri.
- (a) Jelaskan tanggungjawab keselamatan bagi jurutera dan arkitek. (6 markah)
- (b) Bincangkan **SATU (1)** contoh pelan keselamatan yang lengkap yang perlu disediakan oleh kontraktor sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan. (9 markah)
- (c) Bincangkan faktor-faktor keberkesanan sistem pengurusan keselamatan di tapak bina. (10 markah)

**S4** Penyediaan tempat kerja yang selamat dan sihat memerlukan majikan dan pekerja menjadikan keselamatan dan kesihatan sebagai keutamaan yang tertinggi.

(a) Bincangkan kesan pelaksanaan program keselamatan terhadap jumlah kos kemalangan.

(8 markah)

(b) Huraikan **EMPAT (4)** elemen program keselamatan yang berkesan.

(8 markah)

(c) Analisiskan komitmen pihak pengurusan atasan dalam pelaksanaan Budaya Keselamatan dan Kesihatan di tapak bina.

(9 markah)

**S5** Keselamatan perlu diintegrasikan dalam semua fasa projek pembinaan.

(a) Bincangkan tanggungjawab keselamatan pihak-pihak yang tersenarai di bawah:

(i) Klien

(ii) Pengurus Projek

(10 markah)

(b) Jelaskan **EMPAT (4)** kepentingan pengintegrasian keselamatan dalam projek pembinaan.

(8 markah)

(c) Analisiskan hierarki Jabatan Keselamatan dan Kesihatan dalam sesebuah organisasi.

(7 markah)

**S6** Pengukuran prestasi keselamatan dan kesihatan merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

(a) Jelaskan tujuan utama pengukuran prestasi keselamatan dan kesihatan.

(5 markah)

(b) Huraikan **LIMA (5)** elemen pengukuran prestasi keselamatan.

(15 markah)

(c) Analisiskan rajah kedudukan pengukuran prestasi dalam sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan.

(5 markah)

- SOALAN TAMAT -